

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB Tuan Fong Kui Lun
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2015 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah sebab siasatan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ke atas akaun 1MDB dihentikan selepas Pengerusi dan sebahagian Ahli-ahli Jawatankuasanya ditarik bagi menganggotai Kabinet dan bagaimanakah cara Perdana Menteri menguruskan ketidakpuasan hati rakyat tentang wang RM2.6 bilion yang dimasukkan ke dalam akaun peribadinya.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA DATO' OTHMAN SAID,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertanyaan ini akan di jawab secara serentak bersama dengan pertanyaan-pertanyaan lain yang mempunyai maksud yang sama pada tarikh yang akan ditetapkan kemudian dalam persidangan kali ini juga.

Sekian. Terima kasih.